



UNIT 11 : REKA CIPTA MENJANA KEMAJUAN NEGARA



Teliti temu ramah di bawah.

Seorang wartawan telah menemui bual Saran Raj a/l Karunan, 12 tahun, pemenang tempat pertama Pertandingan Pereka Cipta Muda Peringkat Kebangsaan.

1 Tahniah. Bolehkah kamu terangkan hasil reka cipta kamu?

3 Wow, menariknya ciptaan kamu!

5 Bagaimanakah kamu boleh berjaya menghasilkan beg pintar ini?

7 Saya kagum akan kesungguhan dan kerajinan kamu. Kalau semua rakyat Malaysia dapat menghasilkan pelbagai ciptaan dan inovasi, pasti negara kita akan semakin maju.

2 Terima kasih. Saya telah mencipta beg sekolah pintar yang dilengkapi pepapan solar. Ciptaan ini digunakan untuk mengecas e-buku dan gajet teknologi maklumat yang lain.

4 Beg ini juga mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti alat pengesan sistem penentu kedudukan global atau *global positioning system* (GPS) yang membolehkan kita mengetahui lokasi beg tersebut sekiranya hilang.

6 Saya banyak menghabiskan masa membuat kajian melalui Internet dan bahan bacaan. Saya juga mengadakan perbincangan dengan guru dan kawan-kawan tentang reka cipta beg ini.



Huraikan sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj?

Sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saraj Raj ialah menghabiskan

serta mengadakan



Bagaimanakah sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj dapat memajukan negara?

Sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj dapat memajukan negara melalui reka cipta

Beg ini boleh digunakan untuk

serta mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti



Andaikan kamu ialah Saran Raj. Apakah perasaan kamu apabila ciptaan kamu mendapat pengiktirafan negara?

Perasaan saya adalah